

18/11 2016 Sinar

# ANG DUN PULAU PINANG



## Keselamatan feri Pulau Pinang jadi kebimbangan orang ramai

GEORGETOWN - Keselamatan feri Pulau Pinang menjadi topik perbincangan selepas beberapa insiden yang berlaku sebelum ini.

Adun Sri Delima, RSN Rayer berkata, beberapa kejadian yang melibatkan isu keselamatan dalam feri telah menarik perhatian dan dilaporkan melalui akhbar dan juga media sosial.

Menurutnya, beberapa kejadian seperti berlaku kebocoran feri dan sebagainya menimbulkan kerisauan di kalangan orang ramai.

"Malah dimaklumkan lesen atau permit keselamatan feri tidak diperbaharui, kita perlu beri perhatian yang serius terhadap salah satu pengangkutan utama di Pulau Pinang ini," katanya ketika membangkitkan isu keselamatan feri Pulau Pinang pada Sidang Dun, semalam.

Sementara itu Ketua Pembangkang, Datuk Jahara Hamid berkata, tidak dinafikan Feri Pulau



**RAYER**

Pinang mengalami kerugian sejak akhir-akhir ini.

Bagaimanapun begitu, ia perlu dikekalkan kerana feri sudah begitu sinonim dengan Pulau Pinang sehingga menjadi tarikan pengangkutan.

"Tetapi feri ini perlu ditambah baik dan perundingan perlu dibuat segera dengan Penang Port.

"Kita masih memerlukannya, tetapi aspek keselamatan perlu diambil berat," katanya.

Walaupun begitu Jahara menegaskan sepatutnya orang ramai perlu berterima kasih kepada pengangkutan telama itu kerana masih mengenakan tambang pada kadar yang rendah.

"Terima kasih kerana mengena-cas yang cukup rendah sehingga mengalami kerugian dalam pengangkutan awam.

"Perkara ini sudah berlaku sejak zaman Barisan Nasional yang mana harga tetap rendah diberikan kepada penumpang.

"Malah sudah banyak kali timbul ura-ura bahawa tambang hendak dinaikkan tetapi ramai yang tidak setuju," katanya.

Namun begitu, tambah Jahara lagi, aspek penyelenggaraan perlu diambil perhatian serius semua pihak supaya keselamatan penumpang terjamin.